

PANDUAN MENANAM BAYAM

PENGENALAN

Bayam adalah sejenis sayuran daun yang mengandungi vitamin A, B dan C dan zat-zat galian seperti kalsium dan besi.

JENIS

Terdapat 2 jenis bayam iaitu:

Bayam berwarna hijau. Jenis ini berdaun lebar dan kadangkala berdaun bujur.

Bayam berwarna hijau keunguan dan kemerahan.

TANAH

Bayam sesuai ditanam dipelbagai jenis tanah terutama tanah gembur liat ringan dan tanah liat berpasir. Tanah yang kaya dengan bahan organik, mempunyai saluran yang baik dan mempunyai kemasaman tanah di antar 5.5 – 6.5 adalah paling sesuai.

PENANAMAN

Menyediakan Batas

Bajak dan gemburkan tanah sebelum menyediakan batas. Ukuran batas ialah 120 cm lebar, 20-30 cm tinggi dan 760 cm panjang. Jarak antara batas ialah 46 cm. Buat tiga alur kecil memanjang di permukaan batas.

Menanam

Bayam ditanam terus dengan menggunakan biji benih. Oleh kerana biji benih bayam berkeadaan halus, gaulkan biji benih dengan pasir atau tanah peroi sebelum disemai. Kemudian taburkan sama rata ke dalam alur-alur di atas batas. Selepas 2-3 hari anak benih akan bercambah. Jarakkan mengikut ukuran yang disyorkan iaitu 8-10cm antara pokok dan 2-3 cm antara barisan. Sebanyak 6-7 kg biji benih diperlukan untuk 1 hektar.

Bayam boleh juga disemai di dalam tapak semaian sebelum di ubah ke batas. Sebelum menyemai, gaulkan biji benih dengan racun kulat seperti Thiram dengan kadar 3 gm Thiram dengan 1000 gm biji benih untuk mencegah penyakit melecur. Lebih kurang 12 hari selepas menyemai, siram anak benih dengan baja larutan urea sebanyak 4 gm dalam seliter air. Sungkupan penuh dibuat 3 hari selepas selepas menyemai. Ubah dan tanam anak-anak benih ke atas batas yang telah disediakan selepas 3-4 minggu disemai.

PENJAGAAN

Membaja

Baja organik seperti tahi ayam boleh digunakan sebagai baja asas. Baja ini digaul kedalam batas. Lebih kurang 5 tan metrik baja ini diperlukan untuk sehektar.

Sebagai panduan, kadar pembajaan yang disyorkan 100 kg N, 23 kg P₂O₅, 144 kg K₂O sehektar. pada hari ke-4 dan hari ke 10-14.

Baja-baja ini digaul dan ditabur di antara lorong-lorong pokok.

Menyiram

Bayam memerlukan air yang banyak untuk pembesarannya. Dalam musim panas siram 2 kali sehari.

Sungkupan

Sungkupan diletakkan di atas batas selepas manabur benih atau mengubah. Gunakan pelepah kelapa atau rumput-rumput kering sebagai bahan sungkupan. Sungkupan boleh mengawal kehilangan air, pertumbuhan rumput rampai serta memperbaiki struktur serta kesuburan tanah.

Merumput

Kawalan rumput rampai dilakukan sepanjang masa. Merumput boleh dilakukan dengan tangan.

MEMUNGUT HASIL

Bayam boleh dipungut 3-4 minggu selepas ditanam atau apabila pokok mencapai 20-25 cm tinggi. Kutipan dibuat 3-7 hari sekali. Pokok dicabut atau dipotong batangnya.

MUSUH DAN PENYAKIT

Nama	Kerosakan	Kawalan
Ulat pangkas (<i>agrotis ypsilon rotti.</i>)	Ulat memotong batang anak benih diparas permukaan	Sembur racun serangga seperti trichlorphon dengan kadar 0.1 % b.a. disekeliling anak-anak benih.
Ulat Ratus (<i>Prodenia litura F</i>)	Larvanya memakan daun	Sembur dengan racun serangga seperti trichlorphon dengan kadar 0.1% b.a.
Hawar Melecut (<i>Cystobus bliti</i>)	Terdapat tompok-tompok putih pada daun. Bayam jenis daun bujur adalah lebih tahan kepada penyakit ini.	Amalkan tanaman giliran. Tiada kawalan kimia yang berkesan. Tanam bayam pada kawasan baru yang bebas daripada penyakit.
Lecuh anak benih (<i>Phythium aphanidermatum</i>)	Penyakit ini disebabkan kulit bahagian pangkal pokok menjadi reput dan pokok akan mati.	Tanam di tanah yang mempunyai saliran yang elok. Amalkan giliran. Elakkan menyiram berlebihan. Gaulkan 3 gm Thiram (80WP) dengan 100 gm biji benih sebelum menyemai.